

20 JUN 1999

Mahathir-Umno (Perbezaan)

DR MAHATHIR GARISKAN 18 PERBEZAAN ANTARA UMNO DAN PAS

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggariskan 18 perbezaan antara Umno dan PAS.

Ketika berucap menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di sini hari ini, Presiden Umno itu berkata perbezaan-perbezaan itu ialah:

* Umno mahukan perpaduan sedangkan PAS mahu kepada perpecahan.

Katanya sebelum ada PAS semua orang Melayu berada dalam Umno untuk menghalang British daripada menubuhkan Malayan Union dan atas perpaduan itu Umno berjaya menggagalkan Malayan Union, yang merupakan rancangan penjajah untuk menghapuskan Raja-raja Melayu.

* Umno berjuang untuk mencapai kemerdekaan tetapi PAS menolak kemerdekaan.

"PAS pada masa itu berpendapat orang Melayu belum bersedia mencapai kemerdekaan kerana mereka tidak tahu membuat jarum," katanya.

* Umno menganggap semua orang Melayu itu orang Islam termasuk orang PAS sedangkan PAS menganggap hanya orang Melayu yang menyertai PAS sebagai orang Islam.

"Dengan cara itu bilangan orang Islam di negara ini dikurangkan kerana yang menjadi anggota PAS tidak ramai dan dengan itu PAS mengurangkan bilangan orang Islam di negara ini dan yang menjadi majoriti ialah penduduk bukan Islam disebabkan tafsiran PAS yang anggota Umno tidak Islam," katanya.

* Umno parti yang sederhana sementara PAS parti keterlaluan.

* Bagi Umno agama Islam dianuti dan dijadikan pegangan hidup sedangkan PAS menganggap agama Islam semata-mata sebagai alat perjuangan parti.

* Umno berpegang pada janji sementara PAS mungkir janji kerana tidak mengotakan janji untuk memberi jawatan timbalan menteri besar Kelantan kepada Parti Melayu Semangat 46 semasa ia menjadi sekutu PAS.

* Umno mengutamakan iman tetapi PAS utamakan rupa Islam asalkan rupa Islam, iman tidak diambil kira.

* Umno melaksanakan yang dirancang sedangkan PAS hanya tahu bercakap.

"Banyak kita buat untuk agama Islam, Bank Islam, Tabung Haji dan macam-macam lagi tetapi dia (PAS) satupun tidak buat," katanya.

* Umno meminta anggotanya setia kepada parti tetapi PAS menyuruh anggotanya menjadi fanatik kepada parti.

"Kalau parti buat salah, anggota PAS mesti terus menyokong parti tetapi kita tidak kata jika buat salah anggota parti kena menyokong parti, kita (Umno) cuma kata kalau kita buat yang baik sokong parti dan jangan fanatik kepada parti," katanya.

* Umno utamakan kebenaran, PAS suka membuat fitnah.

* Umno mengutamakan kesopanan sementara PAS tidak sopan, suka maki dan mencarut.

* Umno mengamalkan fardhu air dan kifayah sedangkan PAS hanya mengamalkan fardhu kifayah.

"PAS menuduh Umno sebagai sekular sebab utamakan pelajaran sains, teknologi dan kejuruteraan. PAS mahu semua orang pergi belajar agama sahaja yang lain dianggap sekular. Bila belajar agama maka bolehlah mereka menghasut pelajar. Bila belajar sains (yang) dia tak boleh hasut, dia gunakan alasan sekular," kata Dr Mahathir.

Katanya Umno mempertahankan orang Islam sebab orang Melayu tidak tahu membina pesawat dan sebagainya sebab belum ada ilmu.

* Umno tidak libatkan sosial dengan politik sedangkan PAS mencampur-adukkan kedua-duanya.

"Orang PAS tidak pergi kenduri yang dianjurkan orang Umno dan mereka juga tidak membenarkan perkahwinan antara kedua-dua pihak," katanya.

* Umno pegang pada tafsiran agama yang tidak berubah-ubah sedangkan PAS buat tafsiran yang bertukar-tukar mengikut selera dan masa.

"Satu masa seseorang itu kafir dan bila nampak dapat untung sikit orang itu dikatakan tidak kafir dan lepas itu bila nampak rugi sedikit dia (PAS) kata orang itu kafir balik ... agamanya berbeza-beza," katanya.

* Bagi Umno masjid tempat mengembangkan syiar Islam dan merapatkan masyarakat Islam tetapi PAS gunakan masjid untuk melempar tuduhan dan menyakitkan hati orang Islam lain dengan membaca khutbah, memaki orang lain.

* Umno utamakan pegangan dan mengamalkan Islam sebenar sementara PAS utamakan rupa, asalkan pakai jubah, berkupiah dan berjanggut itulah Islam.

"Lepas itu lakukan rogolpun tidak apa, khalwatpun tidak apa ... dia duduk dalam bilik dengan isteri orang ada empat saksipun tidak apa," kata Perdana Menteri.

*Umno bersyukur dengan nikmat yang banyak dan kehidupan mewah serta pembangunan negara tetapi PAS tidak pernah bersyukur.

* Umno berpegang teguh pada Islam dan PAS sebaliknya.

Dr Mahathir berkata beliau menggariskan perbezaan itu bagi menunjukkan bahawa PAS sama sekali tidak ada pegangan kepada agama Islam dan yang betul-betul ada pegangan Islam ialah Umno.

"Oleh itu Umno tidak seharusnya mempunyai perasaan takut terhadap lawan dan berhujah habis-habisan kepada mereka kerana kita pada pihak yang benar," kata beliau

Dr Mahathir berkata beliau menggariskan perbezaan itu sambil beliau mendengar perbahasan perhimpunan agung parti.

"Kadang-kadang kita patut bezakan antara Umno dan PAS supaya kita dapat gunakan neraca kita itu bagi membezakan yang mana baik dan yang mana jahat," katanya.

Katanya beliau tidak tahu apakah itu P.A.S kerana jika bagi kegunaan perkataan Islam, nama sengkatan bagi parti itu ialah P.I.S.

Beliau juga menyangkal dakwaan PAS menerusi Harakah, sebuah penerbitan parti pembangkang itu, kononnya Umno menghadapi masalah.

"Yang ada masalah ialah PAS dan Harakah, kita tak ada masalah," katanya.

-- BERNAMA

ARA RON